


BAHAGIAN SIRAH NABAWIYYAH
TAJUK 17 : SAYIDATINA FATIMAH PUTERI RASULULLAH SAW

1 (a) Lengkapkan biodata Sayidatina Fatimah r.a. dengan jawapan yang betul.



(3 markah)

(b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah mengenai tokoh Sayidatina Fatimah r.a.

| No. | Pernyataan | (✓) atau (X) |
|-------|---------------------------------------------------|--------------|
| (i) | Sering menghadapi kekurangan makanan di rumahnya. | |
| (ii) | Terkenal dengan gelaran al-Humaira’. | |
| (iii) | Seorang tokoh ilmu hadis yang unggul. | |

(3 markah)

Sayidatina Fatimah diuji oleh Allah SWT dengan kematian ibu dan tiga kakaknya pada usia beliau yang masih muda dan dahagakan kasih sayang mereka.

(c) Merujuk pernyataan di atas bagaimanakah anda dapat mencontohi sifat kesabaran Sayidatina Fatimah r.a. dalam menempuh cabaran hidup.

.....

.....

.....



.....
.....
.....

(4 markah)

(d) Jelaskan **dua** bukti ketaatan Sayidatina Fatimah terhadap suami.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(e) Jelaskan **dua** sumbangan Sayidatina Fatimah Az-Zahra' terhadap perjuangan Islam.


1.
.....
2.
.....

(4 markah)



TAJUK 18 : SAYIDATINA AISYAH ILMUWAN WANITA TERUNGGUL

1 (a) Lengkapkan biodata Sayidatina Aisyah r.a. dengan jawapan yang betul.



(3 markah)

(b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah mengenai tokoh Sayidatina Aisyah r.a.

| No. | Pernyataan | (✓) atau (X) |
|-------|---------------------------------------------------------------------------------|--------------|
| (i) | Berkahwin dengan Rasulullah SAW pada Syawal tahun ke-10 kenabian. | |
| (ii) | Seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang ilmu Feqah dan Puisi Arab. | |
| (iii) | Seorang ahli perniagaan yang terkenal dan masyhur kerana sifat dermawannya. | |

(3 markah)

Sayidatina Aisyah telah difitnah oleh musuh Islam yang dikenali dengan peristiwa "*Hadis al-Ifki*", namun beliau sabar, cekal dan bijak dalam menghadapi dugaan ini.

(c) Merujuk pernyataan di atas bagaimanakah anda dapat mencontohi sifat kebijaksanaan Sayidatina Aisyah r.a. dalam menerima sesuatu berita yang tidak benar.

.....

.....

.....

.....

.....

.....



(4 markah)

(d) Jelaskan **dua** sumbangan Saiyidatina Aisyah kepada Islam.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)

(e) Jelaskan **dua** faktor keunggulan Saidatina Aisyah.


1.
.....
2.
.....

(4 markah)



TAJUK 19 : SAYIDINA KHALID AL-WALID : PERWIRA PERKASA

1 (a) Lengkapkan biodata Sayidina Khalid al-Walid r.a. dengan jawapan yang betul.



(3 markah)

(b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah mengenai tokoh Sayidina Khalid al-Walid r.a.

| No. | Pernyataan | (✓) atau (X) |
|-------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|
| (i) | Merupakan salah seorang "Ahli Suffah" di kota Madinah. | |
| (ii) | Beliau berketurunan Bani Mahzun. | |
| (iii) | Beliau berjaya mengalahkan tentera musuh berjumlah 200,000 walaupun tentera Islam hanya 3,000 orang dengan strategi yang berkesan. | |

(3 markah)

(c) Jelaskan **dua** sumbangan Khalid al-Walid.

1.
-
2.
-

(4 markah)

Sayidina Khalid al-Walid merupakan seorang panglima Islam yang berjiwa tawaduk.

(d) Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda mencontohi sifat tawaduk Sayidina Khalid ketika di sekolah?



.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

(e) Jelaskan **dua** faktor yang membentuk sikap kepahlawanan Sayidina Khalid.

1.

.....

2.

.....

(4 markah)



TAJUK 20 : PIAGAM MADINAH

- 1 (a) Pilih istilah yang betul bagi peristiwa di bawah berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

| | | | |
|---------------------------|----------------------|-------------------------|----------------|
| Perjanjian Aqabah Pertama | Perjanjian Hudaibiah | Perjanjian Aqabah Kedua | Piagam Madinah |
|---------------------------|----------------------|-------------------------|----------------|

- (i) Perlembagaan yang ditulis dan dipersetujui bersama oleh semua golongan yang terdiri daripada orang Islam dan Yahudi yang menjadi warga negara Madinah al-Munawwarah di bawah pimpinan Rasulullah SAW.

Jawapan : _____

- (ii) 12 delegasi Yathrib mengambil kesempatan untuk bertemu dengan Rasulullah SAW pada musim haji.

Jawapan : _____

- (iii) Golongan Aus dan Khazraj berbaiah untuk memelihara dan mempertahankan Rasulullah SAW, berikrar taat setia pada masa senang dan susah, genting dan tenang, tidak akan berpecah dan bercakap benar.

Jawapan : _____

(3 markah)

- (b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah mengenai perkara penting yang menjadi asas Piagam Madinah.

| No. | Pernyataan | (✓) atau (X) |
|-------|------------------------------------------|--------------|
| (i) | Melindungi hak orang Islam sahaja. | |
| (ii) | Nabi Muhammad SAW sebagai ketua negara. | |
| (iii) | Wahyu sebagai sumber perundangan negara. | |

(3 markah)

- (c) Senaraikan **dua** isi kandungan Piagam Madinah.

1.

2.

(2 markah)

- (d) Nyatakan **dua** strategi Rasulullah SAW di Madinah selain daripada mewujudkan Piagam Madinah.

1.

2.

(2 markah)



(e) Jelaskan **dua** kepentingan peraturan dalam kehidupan.

- 1.
.....
- 2.
.....

(4 markah)

(f) Menurut kajian seorang ahli sejarah Islam, Piagam Madinah telah diterjemahkan ke dalam 294 bahasa dunia. Ini menunjukkan bahawa Piagam Madinah lambing kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam memimpin negara.
Andaikan anda menjadi pemimpin negara, apakah yang akan anda lakukan untuk mentadbir negara Islam?

-
-
-
-
-
-

(4 markah)



TAJUK 21 : PERJANJIAN HUDAIBIAH

1 (a) Pilih istilah yang betul bagi peristiwa di bawah berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

| | | | |
|------|-------|----------------------|---------------|
| Haji | Umrah | Perjanjian Hudaibiah | Baiah Ridzwan |
|------|-------|----------------------|---------------|

- (i) Perjanjian damai yang ditandatangani di antara Rasulullah SAW dengan musyrikin Quraisy yang membawa kepada gencatan senjata.
Jawapan : _____
- (ii) Menziarahi Baitullah pada bila-bila masa.
Jawapan : _____
- (iii) Perjanjian menuntut bela kematian Sayidina Usman yang dikhabarkan telah dibunuh di kota Mekah.
Jawapan : _____

(3 markah)

(b) Bilakah Perjanjian Hudaibiah dibuat?

(Bulan Zulhijjah Tahun 6 Hijrah / Bulan Zulhijjah Tahun 7 Hijrah).

Jawapan :

(2 markah)

(c) Mengapakah berlakunya Perjanjian Hudaibiah.

.....
.....
.....

(2 markah)

(d) Isi tempat kosong di bawah dengan pilihan jawapan yang sesuai.

| | | | |
|-----------|--------|-----------|-----------------|
| Berunding | Kaabah | Hudaibiah | Sayidina Uthman |
|-----------|--------|-----------|-----------------|

| Bil. | Pihak | Peristiwa |
|------|----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | Rasulullah SAW | • bermimpi menziarahi _____ bersama para sahabat. |
| 2. | Rasulullah SAW | • Di Hudaibiah baginda dikunjungi oleh Budail b. Warqa al-Khuzaa'i dan Rasulullah SAW memaklumkan tujuan kedatangan mereka hanyalah untuk menunaikan umrah dan bukan untuk berperang. |
| 3. | Pihak Quraisy | • Memilih Urwah b. Mas'ud sebagai wakil untuk _____ dengan Rasulullah SAW dan menasihatkan kaum Quraisy menerima perdamaian setelah |



| | | |
|----|-------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | pulang ke Mekah. |
| 4. | Rasulullah SAW | <ul style="list-style-type: none"> • mengutuskan _____ untuk berunding dengan pihak Quraisy, tetapi ditahan selama 3 hari dan tersebar berita kematiannya |
| 5. | Rasulullah SAW | <ul style="list-style-type: none"> • kumpul sahabat - buat perjanjian / baiah untuk menuntut bela kematian Saidina Uthman & berikrar akan berperang. Ikrar ini dinamakan "<i>Bai'atur Ridwan @ "Bai'atus Syajarah"</i> – kerana ikrar ini dibuat di bawah seponon pokok. Saidina Uthman tidak dibunuh dan telah dibebaskan. |
| 6. | Pihak Quraisy | <ul style="list-style-type: none"> • hantar Suhail b. Amru untuk berunding dengan Rasulullah SAW. |
| 7. | Kedua belah pihak | <ul style="list-style-type: none"> • memeteri perjanjian _____ antara Rasulullah SAW dengan Suhail b. Amru bagi pihak Quraisy |

(4 markah)

- (e) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah berkaitan isi kandungan Perjanjian Hudaibiah.

| No. | Pernyataan | (✓) atau (X) |
|-------|-------------------------------------------------------------------------|--------------|
| (i) | Gencatan senjata selam 8 tahun. | |
| (ii) | Kedua-dua pihak dibenarkan membuat perjanjian dengan lain yang disukai. | |
| (iii) | Umat Islam tidak dibenarkan mengerjakan umrah pada tahun tersebut. | |

(3 markah)

- (f) Hajat Rasulullah SAW dan para sahabat untuk memasuki Mekah adalah menunaikan ibadat umrah.
Nyatakan **dua** persiapan Rasulullah dan para sahabat dalam menunaikan ibadat tersebut.

-
.....
-
.....

(4 markah)

- (g) Jelaskan **dua** hikmah perjanjian Hudaibiah.

-
.....
-
.....



(4 markah)

- (h) Perjanjian Hudaibiah memberi peluang kepada Rasulullah SAW dalam menyebarkan dakwah Islam.

Nyatakan **dua** tindakan susulan Rasulullah SAW selepas Perjanjian Hudaibiah.

1.

2.

(4 markah)

- (i) Rasulullah SAW mengamalkan syura, mengutamakan penyelesaian secara diplomasi serta mematuhi etika perjanjian ketika berunding dengan Musyrikin Quraisy Mekah dalam menyusun Perjanjian Hudaibiah sehingga tidak berlakunya peperangan di antara kedua belah pihak.

Merujuk pernyataan di atas, bagaimanakah anda dapat mencontohi sifat kepimpinan Rasulullah SAW dalam memimpin persatuan yang anda ketuai di sekolah?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)



TAJUK 22 : PEMBUKAAN KOTA MEKAH (FATHU MEKAH)

- 1 (a) Isi tempat kosong di bawah berkaitan tindakan Rasulullah SAW selepas pembukaan Kota Mekah dengan pilihan jawapan yang sesuai.

| | | | |
|------|---------|--------|-------|
| Azan | Berhala | Ucapan | Makam |
|------|---------|--------|-------|

- (i) Memusnahkan _____ di sekeliling Kaabah.
- (ii) Menunaikan Solat Sunat di _____ Nabi Ibrahim a.s.
- (iii) Laungan _____ oleh Bilal bin Rabah
- (iv) Memberi _____ pertama kepada penduduk Mekah.

(4 markah)

- (b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah berkaitan pembukaan Kota Mekah.

| No. | Pernyataan | (✓) atau (X) |
|-------|------------------------------------------------------------------------|--------------|
| (i) | Pembukaan Kota Mekah berlaku pada bulan Ramadan tahun keenam hijrah. | |
| (ii) | Antara kesan pembukaan kota Mekah ramai kafir Quraisy memeluk Islam. | |
| (iii) | Rasulullah berjaya menawan Kota Mekah tanpa berlaku pertumpahan darah. | |

(3 markah)

- (c) Rasulullah SAW berjaya membuka Kota Mekah kerana mempunyai strategi yang bijak dan rapi untuk berdepan dengan pihak musuh.

Pada pendapat anda, mengapakah kita memerlukan strategi dalam sesuatu bidang yang diceburi?

.....

.....

.....


.....

.....

.....

.....

(4 markah)



(d) Jelaskan **dua** faktor kejayaan Rasulullah SAW membebaskan Kota Mekah.

1.
.....
2.
.....

(4 markah)